

Bina Puri Holdings teruskan legasi maju harta tanah berprestij



KONDOMINIUM Jesselton yang dibangunkan Bina Puri Properties Sdn Bhd.

SELEPAS 36 tahun mencebur i bidang pembinaan, Bina Puri Holdings Bhd ingin terus mengembangkan operasinya dalam industri harta tanah tempatan menerusi pelbagai langkah strategik dengan kepakaran yang diraihnya sejak syarikat itu ditubuhkan.

Syarikat yang terkenal dengan kejayaan memenangi pelbagai projek utama seperti pembinaan KLIA2 di Sepang dan projek lanjutan Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Ampang itu dijangka mampu meneruskan rekod bersihnya dengan pembinaan harta tanah berkualiti dan menepati jadual.

Projek harta tanah sulung Bina Puri Properties Sdn Bhd, Kondominium Jesselton Kota Kinabalu yang siap Julai 2009 kini menjadi antara harta tanah bernilai tinggi yang pertama di Sabah sekali gus membina kepercayaan penduduk golongan elit di kawasan berkenaan kepada hasil pembangunan cabang harta tanahnya itu.

Sambutan yang menggalakkan daripada projek pertama itu menjadi titik tolak kepada Bina Puri untuk terus membawakan konsep dan rekaan harta tanah baru di Kota Kinabalu dengan pembinaan dua blok apartmen di Fasa 2 Taman

Malawa Jaya dan apartmen empat tingkat di Sepanggar Bay yang siap tahun lalu.

Kini, bagi mengukuhkan teras baru perniagaan harta tanahnya itu, Bina Puri Properties bakal membangunkan lima lagi pembangunan harta tanah baru tahun ini iaitu dua di Kota Kinabalu dan tiga di Semenanjung dengan menyasarkan pasaran golongan berpendapatan sederhana dan tinggi.

Dua harta tanah di Semenanjung berada di Johor Bahru iaitu Straits Residence dan Medini Square manakala satu di Lembah Klang iaitu Kiara 30 @ Mon't Kiara North yang kini dibuka untuk pendaftaran belian.

Dua lagi projek harta tanah baru di Sabah adalah 80 unit kediaman apartmen 16 tingkat Jesselton View dan 130 unit kediaman kondominium One Jesselton @ Kepayan, masing-masing dengan nilai pembangunan kasar RM66 juta dan RM75 juta.

Pengarah Eksekutifnya, Matthew Tee Kai Woon, berkata masa depan segmen harta tanah adalah lebih menjanjikan dan berpotensi dari segi sumbangan pendapatannya berbanding segmen kejuruteraan dan pembinaan yang terlalu banyak persaingan serta peluang


kontrak yang terhad.

Katanya, tahun ini sektor itu akan mula menyumbangkan pendapatan pertamanya yang dijangka sebanyak RM250 juta atau 20 peratus kepada pendapatan keseluruhan kumpulan dan beliau menyasarkan ia mampu ditingkatkan kepada 50 peratus dalam tempoh lima tahun.

"Kami meninjau untuk memiliki atau membangunkan tanah di kawasan berpotensi tinggi di pinggir bandar secara usaha sama kerana sebagai syarikat yang baru dalam sektor ini, kami menyasarkan untuk meneroka segmen pasaran harta tanah sederhana dan tinggi."

"Menerusi usaha sama itu, Bina Puri akan mengadakan kerjasama dengan mana-mana pemilik tanah berpotensi untuk membangunkan tanah mereka dan pendapatan daripadanya akan dibahagikan dengan sewajarnya."

"Untuk membeli tanah memerlukan modal yang besar, justeru, usaha sama ini adalah sebahagian daripada alternatif yang akan dilaksanakan syarikat untuk memiliki tanah di kawasan berpotensi selain meraih modal menerusi dana dalaman dan pasaran saham," katanya.



KEMUDAHAN rekreasi yang menjadikan Kondominium Jesselton penempatan mewah.